

Pembekuan Akaun Bank Melalui Penghakiman Hiwalah Di Mahkamah Syariah *Freezing of Bank Accounts through Hiwalah Judgments in Shariah Court*

Mohd Hazwan Ismail ✉

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah, Malaysia

ABSTRAK

Pembekuan akaun bank boleh dilaksanakan melalui perintah hiwalah setelah mendapat kebenaran daripada mahkamah. Pembekuan akaun bank ini juga dilaksanakan terhadap bekas suami atau si bapa yang ingkar untuk membayar nafkah kepada tanggungannya. Dengan cara pembekuan akaun bank tersebut, bekas suami atau si bapa yang disebut penghutang tidak dapat mengakses segala transaksi keluar masuk bank miliknya. Dengan cara itu, kesemua wang yang berada di dalam akaun bank, akan dipindahkan ke akaun pemiutang (bekas isteri atau si ibu) daripada pihak ketiga (bank). Persoalan kajian timbul iaitu apakah wang di dalam bank dapat dipindahkan sekiranya tidak mencukupi seperti yang dituntut tunggakan nafkah dan mengenalpasti bank yang perlu kepada perasingan bank iaitu sama ada Islam atau konvensional serta kos tindakan yang dikenakan daripada pihak bank. Objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauhmanakah penguatkuasaan hiwalah dapat ditunaikan oleh bank-bank dalam melaksanakan pembekuan akaun bank milik penghutang berdasarkan perintah mahkamah memandangkan ia baru saja dipinda daripada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Metod kajian ini menggunakan metod kajian kepustakaan dan kajian lapangan serta kajian kes. Selain daripada itu, metod temubual turut digunakan bagi mengukuhkan kajian ini. Data statistik mengenai pendaftaran hiwalah di seluruh negeri dibentang dan dianalisis kes-kes di mahkamah syariah. Hasil kajian mendapati, pelaksanaan hiwalah boleh dilakukan dengan cara pemindahan kredit walaupun tidak mencukupi seperti yang dituntut tunggakan nafkah oleh pemiutang. Selain daripada itu, perasingan bank juga berlaku kepada bank RHB dan Maybank di mana kedua-dua bank tersebut perlu kepada perintah yang berasingan iaitu Islamic atau konvensional. Dan yang terakhir adalah mengenai kos yang dikenakan terhadap pelaksanaan hiwalah hanyalah bank CIMB sahaja yang mengenakan kos tindakan.

KATA KUNCI

Beku akaun, tunggakan nafkah, hiwalah, perundangan, Mahkamah Syariah.

ABSTRACT

A bank account freeze can be enforced via a hiwalah order, following court approval. This freeze is often applied to former husbands or fathers who neglect their alimony responsibilities. Through this measure, the individual—referred to as the debtor—cannot access any transactions associated with their bank account. Consequently, all the money within the frozen account is transferred to the creditor's account (the ex-wife or mother) through a third party (the bank). Two key research questions arise from this scenario: Can the money in the bank be transferred if it is insufficient to cover the arrears of alimony? What role does the type of bank play in this scenario, specifically whether it is Islamic or conventional, and what are the associated costs of this action? This study aims to understand the extent to which banks can fulfill their role in enforcing hiwalah for account freezes based on court orders, especially since this regulation was recently revised under the Islamic Financial Services Act 2013. A combination of literature review, field research, and case studies was utilized in this study's methodology. Interviews were also conducted to supplement the study. Statistical data on hiwalah registrations across the state were presented and analyzed in relation to cases in the sharia court. The study found that the implementation of

Article History

Received: February 23, 2023

Revised: April 4, 2023

Accepted: May 12, 2023

Published: June 15, 2023

✉ Contact

Mohd Hazwan Ismail
(Corresponding Author)
mhazwan@unishams.edu.my

Citation

Mohd Hazwan Ismail. 2023.
Pembekuan Akaun Bank Melalui
Penghakiman Hiwalah Di Mahkamah
Syariah. *Journal of Contemporary
Islamic Law*. 8(1): 1-11.

Copyright

© 2023 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

hiwalah can be carried out via credit transfer even when the funds are insufficient to meet the creditor's alimony arrears. Moreover, the differentiation of banks applies to both RHB and Maybank, where each requires a separate order—either Islamic or conventional. Lastly, regarding the costs associated with hiwalah enforcement, only CIMB bank levies action costs.

KEYWORDS

Account freeze, maintenance arrears, hiwalah, legislation, Syariah Court

PENDAHULUAN

Pada 8 Mac 2022 yang lalu, kerajaan Malaysia melalui Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri dalam program Inisiatif Hari Wanita 2022 telah mengumumkan enam inisiatif di mana salah satunya adalah pembekuan akaun bank terhadap suami, bekas suami atau si bapa yang culas membayar nafkah atas perintah daripada mahkamah syariah (Berita Awani, 2022). Pelaksanaan pembekuan akaun tersebut selaras dengan pindaan terhadap Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 yang telah diluluskan dan diwartakan pada 10 Februari 2021 yang lalu (Harian Metro, 2022).

Pembekuan akaun bank ini juga turut dinyatakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun di mana sekatan terhadap bank akan dilaksanakan pada jangkaan tahun ini (2022). Hal ini berikutan, tindakan bekas suami atau si bapa yang culas untuk melaksanakan pembayaran setelah mahkamah telah mengeluarkan perintah daripada mahkamah adalah untuk memperjuangkan hak-hak wanita yang tertindas (Berita Harian, 2022). Dalam melaksanakan pembekuan akaun tersebut, bekas isteri atau si ibu perlu memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah atau penghakiman hiwalah terlebih dahulu.

Tambahan lagi, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Dato' Ustaz Ahmad Marzuk Shaary berkata, pelaksanaan hiwalah yang dilakukan oleh mana-mana institusi kewangan untuk menyekat pergerakan transaksi dan memindahkan wang bekas suami atau si bapa kepada bekas isteri atau si ibu, sekurang-kurangnya ia dapat mendidik bahawa tanggungjawab untuk memberi nafkah tersebut dapat ditunaikan. Hal ini dapat mengukuhkan institusi keluarga dalam menjadikan iltizam kerajaan bagi mewujudkan keharmonian sejagat (Harakah Daily, 2021).

Dalam hal pelaksanaan hiwalah ini, ia telahpun diperuntukan dalam undang-undang. Namun dalam hal institusi kewangan, sedikit pindaan yang telah dilakukan oleh Menteri Kewangan iaitu Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz dan diwartakan pada 10 Februari 2021. Pindaan tersebut melibatkan dalam Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang memasukkan dalam seksyen 2(a) iaitu 'perintah hiwalah' dan seksyen 2(b)

iaitu 'Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah' (Perintah Perkhidmatan Kewangan Islam (Pindaan Jadual 11), 2021).

Justeru, objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauhmanakah pelaksanaan hiwalah yang diperintahkan daripada mahkamah syariah dapat direalisasikan terhadap kes-kes penguatkuasaan tunggakan hutang nafkah di mahkamah syariah serta melihat persoalan-persoalan yang timbul terhadap bank-bank di Malaysia dalam proses pembekuan akaun penghutang. Hal ini kerana, bagi pelaksanaan ini untuk dikuatkuasakan di institusi kehakiman syariah adalah perkara baru memandangkan ia baru sahaja dipinda berdasarkan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam yang disebut di atas.

1. Hiwalah Menurut Syarak

Hiwalah (حوالة) dalam definisi menurut fuqaha Hanafi adalah bermaksud pindahan hutang daripada penghutang (pihak ketiga atau disebut *muhal 'alaih*) kepada pemiutang (*muhal*) melalui penghutang (penanggung hutang atau disebut *muhil*). Pihak ketiga tersebut perlu membayar hutang kepada pemiutang berdasarkan jumlah yang terhutang itu (Muhammad Alaudin Haskafi, 2002). Menurut pendapat yang kedua iaitu daripada Al-Humam (Kamal Al-Din Ibn Al-Humam, t.t.), hiwalah bermaksud pindahan hutang yang dibebani oleh pihak ketiga kepada pihak pemiutang adalah masing-masing mempercayai antara satu sama lain. Tambahnya lagi, peralihan hutang tersebut adalah berbentuk kekuatan jaminan.

Manakala fuqaha mazhab Maliki daripada Juzay Al-Kalbi (Muhammad ibn Ahmad Ibn Juzayy Al-Kalbi, 2005), Syafie daripada Al-Shirbini (Al-Shirbini, et. al, 2001) dan Hanbali daripada Idris Al-Buhuti (Mansur ibn Yunus ibn Idris Al-Buhuti, 1974) serta Abu Muhammad 'Abdullah (Abu Muhammad 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudama Al-Maqdisi, 2013) pula memberi definisi yang sama iaitu suatu akad hiwalah perpindahan hutang daripada tanggungan pihak penghutang kepada tanggungan yang lain iaitu pihak ketiga. Pendapat ini juga sama daripada pendapat Al-Jaziri (Abdurrahman Al-Jaziri, t.t) yang memberi maksud memindahkan hutang daripada suatu tempat iaitu pihak penghutang kepada tempat yang lain iaitu pihak ketiga. Perpindahan ini berlaku dengan adanya satu majlis akad hiwalah yang terdiri daripada pihak-pihak yang terlibat.

Daripada definisi tersebut, jelas dimaksudkan bahawa hiwalah adalah pelaksanaan pemindahan hutang daripada pihak ketiga kepada pihak pemiutang. Pihak penghutang akan melepaskan tanggungannya itu supaya pihak yang berhutang atau pihak yang memegang sebarang kewangan akan melaksanakan pembayaran hutang. Pihak penghutang tidak lagi terbeban untuk melaksanakan pembayaran hutang kerana peralihan berlaku kepada pihak yang berkewajipan untuk menunaikannya (H. Idris Ahmad S.H, 1995). Dengan cara tersebut, ia dapat mempercepatkan pembayaran hutang tanpa dapat dilengahkan. Hal ini kerana, melengah-lengahkan pembayaran hutang walaupun berkemampuan, ia adalah perbuatan yang zalim seperti mana hadis Rasulullah yang bersabda:

“Memperlambat pembayaran hukum yang dilakukan oleh orang kaya merupakan perbuatan zalim. Jika salah seorang kamu dialihkan kepada orang yang mudah membayar hutang, maka hendaklah ia beralih (diterima pengalihan tersebut). (Muhammad bin Ismail Al-Bukhari, t.t).

Hadis di atas mempunyai dua situasi iaitu yang pertama adalah pembayaran untuk melaksanakan hutang dengan cara melambat-lambatkan walaupun berkemampuan adalah tindakan yang zalim. Dan yang kedua adalah sekiranya terdapat pihak yang ketiga yang boleh membayar hutang dengan cara peralihan hutang (hiwalah) maka ia dibenarkan untuk melakukannya. Justeru, pelaksanaan hiwalah dengan cara peralihan hutang daripada pihak penghutang kepada pihak ketiga adalah dibolehkan. Hal ini dapat memudahkan untuk pembayaran hutang kerana pembayaran hutang dengan segera adalah perkara yang sangat dituntut (H. Sulaiman Rasjid, 1976).

2. Hiwalah Menurut Undang-Undang dan Prosedurnya

Hiwalah atau hawalah bermaksud tanggungan hutang orang lain dipindahkan kepada pihak yang lain (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022). Daripada takrifan

ini, jelas bermaksud bahawa hutang yang telah dihutang oleh penghutang, telah dipindahkan hak untuk membayar hutang kepada pihak ketiga iaitu *muhal 'alaih*. Pihak ketiga akan memindahkan hutang milik penghutang dan membayar hutang tersebut kepada pemiutang. Pelaksanaan hiwalah tidak boleh berlaku kepada ketiga-tiga pihak sahaja, ia mestilah mendapat kebenaran daripada mahkamah syariah terlebih dahulu dengan mengeluarkan perintah kebenaran (Mohamed Fouzi Mokhtar et. al, 2021). Sebelum permohonan dibuat, pemiutang hanya perlu mengetahui bahawa penghutang mempunyai akaun bank yang didaftarkan. Ia hanya cukup memadai dengan cara kebolehpercayaan asas sahaja di mana penghutang mempunyai akaun bank untuk memaklumkan kepada hakim sebelum hakim membenarkan permohonan hiwalah difailkan (Mohd Mirza bin Abdul Rashid, 2022).

Setelah perintah kebenaran diperoleh, perintah pelaksanaan dan notis hiwalah akan dikeluarkan. Kedua-dua dokumen tersebut perlu diserahkan kepada pihak bank melalui bailif mahkamah bagi tindakan menahan atau membekukan akaun milik penghutang. Hal ini telah diperuntukan dalam seksyen 161 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah:

- (2) Peruntukan yang berikut hendaklah terpakai jika pelaksanaan diperintahkan melalui penahanan harta dalam milikan atau kawalan seseorang *muhal 'alaih* (pihak ketiga)—
- (a) bailif hendaklah menyampaikan kepada *muhal 'alaih* (pihak ketiga) suatu notis hiwalah dalam Borang MS 37,

Dalam peruntukan di atas, jelas menunjukkan bailif perlu menyampaikan perintah pelaksanaan yang terdapat dalam Borang MS 35 dan Borang MS 37 iaitu notis hiwalah kepada pihak bank bagi menahan atau membekukan akaun bank. Dalam Borang MS 35, ia perlu mendapat kebenaran daripada Pendaftar sahaja manakala Borang MS 37 perlu mendapat tandatangan daripada sama ada Pendaftar atau hakim. Berikut adalah kedua-dua borang yang perlu diserahkan kepada pihak ketiga:

Jadual 1: Borang MS 35 “Perintah Pelaksanaan.”

BORANG MS 35	
AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1998	
[Seksyen 155]	
PERINTAH BAGI PELAKSANAAN	
<i>(Tajuk Am)</i>	
Kepada Bailif,	
Atas permohonan pemiutang penghakiman, anda dengan ini diperintahkan supaya melaksanakan penghakiman bertarikh..... haribulan..... 20..... yang diperoleh oleh pemiutang penghakiman terhadap penghutang penghakiman yang butir-butirnya ialah seperti yang berikut:	
Amaun penghakiman Kos Kos bagi perintah ini Amaun yang kena dibayar	
Tarikh perintah yang memberikan kebenaran untuk pelaksanaan dan anda hendaklah melaksanakan penghakiman tersebut melalui mana-mana cara yang berikut:	
(1)
(2)
(3)

dan bahawa selepas membayar fi yang ditetapkan dan perbelanjaan pelaksanaan (termasuk kos bagi permintaan untuk mendapatkan kebenaran pelaksanaan dan kos melaksanakannya), membawa ke dalam Mahkamah apa-apa wang yang telah dilevikan dan dengan serta merta mengembalikan perintah ini kepada Mahkamah.
 Bertarikh pada Haribulan 20.....

 Pendaftar

Sumber: Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah

Jadual 2: Borang MS 37 “Notis Hiwalah.”

BORANG MS 37

AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
 (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1998

(Perenggan 161(2)(a))

NOTIS HIWALAH
 (Tajuk Am)

Atas perintah pelaksanaan bertarikh hari bulan 20

Diperintahkan bahawa segala hutang yang kena dibayar atau terakru kena dibayar oleh *muhal 'alaih* yang dinamakan di atas kepada penghutang penghakiman yang dinamakan di atas (dalam jumlah wang sebanyak RM) hendaklah ditahan untuk menjawab penghakiman yang didapatkan terhadap penghutang penghakiman tersebut oleh pemiutang penghakiman yang dinamakan di atas di Mahkamah
 Syariah pada hari bulan 20 untuk jumlah wang (atau untuk menjawab suatu perintah yang dibuat di Mahkamah Syariah pada hari bulan 20 yang memerintahkan pembayaran oleh penghutang penghakiman tersebut kepada pemiutang penghakiman yang dinamakan di atas jumlah wang) sebanyak RM (hutang dan kos RM) (berserta dengan kos *prosiding hiwalah*) yang atas penghakiman (atau perintah itu jumlah wang sebanyak RM masih lagi terhutang dan belum dibayar.

Ambil perhatian juga bahawa segala transaksi pelupusan atau pelepasan yang dibuat selepas penyampaian notis ini adalah tidak sah dan anda boleh dikenakan membayar ganti rugi dan kos kepada pemiutang penghakiman. Jika anda mempertikaikan tanggungan anda di bawah notis ini, anda hendaklah dalam masa tujuh hari dari tarikh penyampaian notis ini memfailkan suatu notis bantahan tentang tanggungan di bawah notis ini kepada Mahkamah. Bertarikh hari bulan 20
 (Meterai)

 Hakim/Pendaftar

Kepada *muhal 'alaih* dan pemiutang penghakiman yang dinamakan di atas.
Notis Bantahan

Ambil perhatian bahawa saya, *muhal 'alaih* yang dinamakan di atas dengan ini membantah tanggungan yang dikenakan ke atas saya melalui notis ini atas alasan-alasan yang berikut:

Muhal 'alaih (atau Peguam Syarie bagi Muhal 'alaih)

Notis ini difailkan oleh *muhal 'alaih* (atau Peguam Syarie bagi *muhal 'alaih*) yang alamat penyampaiannya ialah

Sumber: Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah

Kedua-dua borang di atas perlu menyerahkan kepada pihak bank untuk tujuan pembekuan akaun bank milik penghutang. Dalam borang tersebut, tertera nama-nama pihak, tarikh melaksana dan jumlah tunggakan hutang. Keingkaran pihak bank untuk melaksanakan pembekuan akaun bank dan perpindahan kredit boleh dikenakan tindakan menghina mahkamah.

Dalam Borang MS 37, terkandung Notis Bantahan sekiranya ada bantahan daripada pihak bank. Setelah penyerahan dilakukan oleh bailif, maka pihak bank perlu bertindak dalam tempoh 14 hari pindahan kredit. Sekiranya terdapat bantahan, pihak

muhal 'alaih atau peguam yang diwakilinya boleh membantah dengan menggunakan borang yang sama kepada mahkamah. Setelah bantahan dibuat, *muhal 'alaih* atau pihak ketiga perlu mengemukakan apa-apa alasan yang menyokong terhadap bantahannya itu. Sebelum dikemukakan alasan, pihak bailif terlebih dahulu akan menyerahkan saman kepada pihak ketiga bagi kehadiran ke mahkamah. Hal ini jelas dalam peruntukan undang-undang di bawah seksyen 161(2) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah:

(d) jika *muhal 'alaih* (pihak ketiga) tidak membuat pembayaran atau penghantar serahan itu, bailif boleh menyampaikan kepadanya suatu

saman hiwalah dalam Borang MS 39 dan Mahkamah hendaklah memeriksanya tentang harta yang ditahan itu:

Peruntukan undang-undang di atas menjelaskan saman mestilah diserahkan kepada pihak bank (pihak

ketiga) sekiranya terdapat bantahan. Kehadiran pihak bank ke mahkamah adalah untuk disiasat harta milik penghutang di atas faktor mengapa ianya tidak boleh ditahan. Berikut adalah saman hiwalah di dalam Borang MS 39:

Jadual 3: Borang MS 39 “Saman Hiwalah.”

BORANG MS 39			
AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1998			
(Perenggan 161(2)(d))			
SAMAN HIWALAH (Tajuk Am)			
Perintah bagi pelaksanaan bertarikh	hari	bulan	20
Notis <i>Hiwalah</i> bertarikh	hari	bulan	20
Kepada.....yang beralamat di			
<i>muhal 'alaih.</i>			
Anda dengan ini disaman supaya hadir di hadapan Mahkamah yang dinamakan di atas pada hari			
pada			
hari bulan			
20			
pukul			
pagi/petang untuk diperiksa mengenai apa-apa harta penghutang penghakiman (nama)			
yang mungkin ada atau, sejak penyampaian notis <i>hiwalah</i> kepada anda, mungkin pernah ada dalam milikan, jagaan atau kawalan anda dan mengenai apa-apa hutang yang kena dibayar atau yang terakru kena dibayar daripada anda kepada penghutang penghakiman tersebut, dan supaya membawa bersama anda kesemua buku dan dokumen lain yang berhubungan dengannya yang berada dalam milikan, jagaan atau kawalan anda.			
Ambil perhatian bahawa, jika ingkar untuk hadir sedemikian, perintah akan dibuat terhadap anda semasa anda ketidakhadiran			
anda.			
Bertarikh	hari	bulan	20
(Meterai)			
..... <i>Hakim/Pendaftar</i>			

Sumber: Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah

Saman yang telah ditandatangani oleh hakim ataupun pendaftar, mesti diserahkan secara kediri kepada pihak bank. Pihak bank melalui peguamnya boleh mengemukakan alasan yang munasabah bagi menyokong tindakan bantahan tersebut kepada mahkamah.

Saman ini perlu diserahkan kepada pihak bank atau peguamnya pada tujuh hari setelah notis bantahan diterima. Dalam kehadiran ke mahkamah, mahkamah akan menyiasat secara terperinci atas keingkaran mematuhi perintah mahkamah. Sekiranya alasan yang diberi tidak diterima, maka mahkamah akan menolak notis bantahan tersebut dan pihak bank perlu melaksanakan perintah hiwalah. Tindakan untuk memindahkan kredit ke pihak pemiutang perlu dilakukan dengan serta merta berdasarkan seksyen 161(2):

- (f) selepas mendengar saman itu, Mahkamah boleh membuat suatu perintah pembayaran atau penghantarserahan dan boleh memerintahkan pelaksanaan dikeluarkan

terhadap *muhal 'alaih* terhadap apa-apa harta dalam tangannya yang didapati telah ditahan dengan sah, seolah-olah *muhal 'alaih* itu sendiri ialah penghutang penghakiman bagi amaun yang dituntut terhadap penghutang penghakiman yang asal, atau bagi amaun atau nilai harta dalam tangan *muhal 'alaih*, mengikut mana yang kurang;

Dan sekiranya alasan yang dikemukakan oleh pihak bank dan diterima oleh mahkamah atas bantahannya itu, maka mahkamah akan membatalkan pelaksanaan hiwalah tersebut dan pihak pemiutang perlu memfailkan apa-apa jenis penguatkuasaan yang lain berdasarkan Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Mohd Mirza bin Abdul Rashid, 2022).

Dalam melaksanakan hiwalah, perintah pelaksanaan dan notis hiwalah hanya berkuatkuasa selama tempoh tiga bulan sahaja. Sekiranya perintah pelaksanaan dan notis hiwalah diperoleh dan tidak diserahkan kepada pihak bank selama lebih daripada

tempoh tiga bulan, maka perintah pelaksanaan dan notis hiwalah tersebut adalah terbatal menurut seksyen 161(2)(k) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah.

PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini, ia terfokus mengenai keingkaran bekas suami atau si bapa dalam melaksanakan pembayaran nafkah setelah diperintahkan oleh mahkamah. Penguatkuasaan hiwalah menjadi pilihan bekas isteri atau si ibu (pemiutang) dalam pelaksanaan untuk pemindahan wang daripada pihak bank ke pihak pemiutang. Permasalahan yang timbul adalah pelaksanaan pemindahan wang tersebut daripada pihak ketiga tidak mencukupi dengan jumlah tunggakan hutang yang dituntut untuk dikreditkan ke akaun pemiutang (Mohd Mirza bin Abdul Rashid, 2022). Misalnya jumlah tunggakan hutang sebanyak RM1,000 yang dituntut sedangkan pihak ketiga hanya mempunyai sebanyak RM500 sahaja. Hal ini menyebabkan timbul persoalan iaitu adakah pelaksanaan hiwalah boleh dilakukan berdasarkan jumlah tunggakan hutang tersebut yang sedia ada atau tidak dibenarkan kerana tidak memenuhi keperluan tuntutan yang dilakukan oleh pihak pemiutang.

Seterusnya adalah persoalan dalam melaksanakan hiwalah melalui bank iaitu pengasingan perbankan sama ada daripada perbankan konvensional atau perbankan Islam walaupun dalam bank yang sama. Hal ini kerana, terdapat kes di mana pelaksanaan hiwalah tidak dapat dilakukan kerana perbezaan dalam perbankan. Ini merujuk kepada kes *Azah lwn Khairi (2022)* di mana kes tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana perbezaan perbankan kerana pada mulanya perintah yang dikeluarkan merujuk kepada *muhal 'alaih* (pihak ketiga) adalah Malayan Banking Berhad. Dalam perintah tersebut, pelaksanaan tersebut tidak dapat dilakukan kerana tiada nombor akaun di dalam sistem akaun Maybank. Walau bagaimanapun, perintah kali kedua dikeluarkan dengan mengubah kepada Maybank Islamic Berhad dan akhirnya berjaya dilakukan. Justeru, kajian ini ingin mengenalpasti apakah kesemua bank atau bank-bank tertentu sahaja yang perlu kepada pengasingan perbankan walaupun dalam satu bank yang sama.

Dalam melaksanakan hiwalah, terdapat peruntukan undang-undang mengenai kos pelaksanaan. Ini merujuk kepada seksyen 161(2)(g) yang menjelaskan:

Mahkamah—
boleh memerintahkan kos terhadap *muhal 'alaih* dan boleh membenarkan atau tidak membenarkan *muhal 'alaih* itu menuntut kos itu daripada penghutang penghakiman;
boleh membenarkan kos kepada *muhal 'alaih* terhadap pemiutang penghakiman, dan boleh memberikan atau tidak memberikan kebenaran untuk menjadikan kos itu sebagai kos pelaksanaan

Terdapat dua pelaksanaan mengenai kos iaitu diperintahkan atau dibenarkan oleh mahkamah. Ia bergantung kepada *muhal 'alaih* sama ada ingin menuntut kos ataupun tidak (Nor Hidayah binti Ismail, 2022). Kajian ini ingin meneliti bahawa terdapat sama ada tuntutan kos ini dibenarkan oleh mahkamah atau tidak dan kajian ini juga ingin mengenalpasti daripada pihak bank manakah yang mengenakan kos terhadap penghutang penghakiman.

SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian adalah kajian-kajian terdahulu yang dilakukan oleh pengkaji mengenai pelaksanaan hiwalah. Terdapat dua tema mengenai pelaksanaan hiwalah yang dikaji iaitu pelaksanaan melalui diluar mahkamah dan dalam mahkamah. Kajian-kajian terdahulu yang dilakukan adalah daripada artikel jurnal, kertas seminar dan kertas-kertas kajian.

Tema yang pertama adalah diluar mahkamah iaitu kajian yang melibatkan cadangan penggunaan kontrak hiwalah dalam pinjaman berkumpulan. Dalam kajian ini menekankan fungsi dan konsep dalam pinjaman berkumpulan (Wan Nor Aisyah binti Wan Yussof, et. al, 2017). Namun begitu, kajian ini hanya menekankan mengenai pinjaman berkumpulan mikokredit melalui kad kredit secara kontrak hiwalah. Ia tidak melibatkan pembekuan akaun bank sekiranya terdapat penguatkuasaan hiwalah. Pinjaman tersebut terus dilakukan dalam proses hiwalah di mana tindakan daripada pihak ketiga akan dikreditkan kepada peminjam tersebut. Manakala kajian kedua pula bertajuk "*Al-Hiwalah Dan Pelaksanaannya Di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)*" (Ismail Bin Ibrahim, 2002). Dalam kajian ini menjelaskan mengenai pelaksanaan hiwalah di Bank Islam yang memperincikan definisi, dalil pensyarian, syarat dan jenis-jenis hiwalah. Selain itu, turut dibincangkan mengenai teori-teori pelaksanaan hiwalah di dalam Bank Islam. Dalam kajian tersebut juga, perbincangan mengenai pembekuan akaun bank bagi pelaksanaan hiwalah di Bank Islam tidak dinyatakan. Bank Islam mengamalkan perbankan Islam dan tidak mengenakan tindakan pinjaman secara konvensional. Oleh itu, tindakan hiwalah bagi pinjaman konvensional adalah tidak wujud dan tidak perlu dibezakan antara kedua-duanya.

Justeru, jelas kedua-dua kajian di atas tidak memfokuskan kepada pelaksanaan tunggakan nafkah di mahkamah syariah. Ia hanya melibatkan kontrak pinjaman yang menjerumus untuk tindakan pelaksanaan hiwalah secara mikrokredit dan juga institusi bank yang memerlukan daripada pihak ketiga kepada pihak yang satu lagi.

Seterusnya kajian yang melibatkan pelaksanaan di mahkamah syariah iaitu kajian pertama adalah daripada penulis Jazilah Mohd Saad (2013). Dalam kajian tersebut, penulis menghuraikan kes hiwalah yang berlaku dan diputuskan di mahkamah syariah iaitu kes *Siti Nadzwa binti Mohd Noor v Razali bin Abdul Razak* pada tahun 2007. Dalam kajian ini,

peguam yang mewakili Plaintiff (pemiutang) tidak bersedia untuk memfailkan penguatkuasaan hiwalah. Hal ini kerana, pada waktu ketika itu Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 masih belum digubal dan tidak boleh dilaksanakan terhadap bank untuk pembekuan akaun walaupun peruntukan undang-undang mengenai hiwalah untuk pindahan harta daripada *muhal 'alaih* (pihak ketiga) telahpun diperuntukan dalam seksyen 161 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, pemfailan penguatkuasaan hiwalah tersebut dibatalkan prosidingnya dan diganti dengan penguatkuasaan yang lain iaitu Saman Penghutang Penghakiman. Selanjutnya kertas seminar yang bertajuk “Pelaksanaan Prosiding Hiwalah: Pengalaman Bahagian Sokongan Keluarga” (Aisah Salleh et. al, 2021). Dalam kajian tersebut menjelaskan pengalaman daripada peguam Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di Negeri Melaka di mana pelaksanaan hiwalah dilakukan terhadap Prudential Assurance Malaysia Sdn. Bhd. Pihak insuran tersebut telah memberi pampasan kepada waris setelah pembahagian faraid dilakukan di mahkamah tinggi syariah kerana kematian anak bekas pasangan tersebut akibat kemalangan jalan raya. Oleh itu, duit yang akan diterima adalah melalui Amanah Raya Berhad. Perintah pelaksanaan dan notis hiwalah diserahkan kepada Amanah Raya Berhad dan akhirnya pelaksanaan hiwalah berjaya dilakukan. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan hiwalah dalam penahanan harta tersebut bukan dilakukan oleh pihak bank tetapi kepada pihak agensi yang lain.

Daripada kedua-dua kajian yang dilaksanakan di mahkamah syariah, jelas menunjukkan masih belum ada kajian yang dilakukan di bank untuk pembekuan akaun milik penghutang penghakiman. Justeru, kajian ini adalah kajian yang pertama kali dilakukan bagi mengetahui tindakan pembekuan akaun dengan melaksanakan penguatkuasaan hiwalah bagi kes tuntutan tunggakan nafkah.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kajian kepustakaan dan juga kajian berbentuk lapangan. Kajian melalui metod kepustakaan adalah kajian-kajian berbentuk dokumen seperti kitab-kitab fiqh, jurnal, kertas kajian, seminar, statut perundangan serta laman web yang berkaitan (Abdul Rashid Moten, 1998). Data statistik juga akan dibentang dan dihurai beserta contoh kes (Therese L. Baker, 1999) yang telah diputuskan di mahkamah syariah pada masa kini.

Manakala kajian lapangan pula adalah berbentuk metod temubual (Ahmad Sunawari Long, 2009).

Temubual yang digunakan adalah secara tidak berstruktur di mana soalan-soalan yang digunakan adalah tidak formal. Ini memastikan kajian ini disokong berasaskan kajian yang dilaksanakan dan memenuhi titik persoalan yang lebih terbuka. Temubual ini menemubual bersama Pegawai Syariah Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang telah melaksanakan penguatkuasaan hiwalah berdasarkan prosedur, pengalaman, kekangan serta dapatan dalam pelaksanaan ini.

Daripada maklumat-maklumat di atas, data yang diperoleh akan dianalisis secara kritis bagi mendapatkan kebolehpadaan antara teori dan praktis melalui peruntukan fiqh serta undang-undang yang diperuntukkan. Justeru, metod-metod yang digunakan untuk kajian ini adalah memadai dalam menunjukkan bahawa amalan yang dipraktikkan adalah selari dengan teori yang tidak bertentangan dengan agama serta undang-undang.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Dalam melaksanakan pembekuan akaun bank terhadap bekas suami atau si bapa yang disebut sebagai penghutang, satu perintah atau penghakiman mahkamah perlu diperoleh terlebih dahulu. Setelah perintah diperoleh, terdapat dua lagi dokumen yang perlu disusuli iaitu Perintah Pelaksanaan Hiwalah dan Notis Hiwalah. Kedua-dua dokumen tersebut mestilah diserahkan kepada bank untuk tindakan pembekuan akaun bank dengan serta merta dan seterusnya bank perlu melaksanakan pemindahan kredit kepada pihak pemiutang dengan kadar segera. Pemindahan dengan kadar segera tersebut telah diperuntukan dalam seksyen 161(2)(b):

“Segala harta yang dinyatakan dalam notis hiwalah hendaklah ditahan dari masa penyampaian notis itu kepada *muhal 'alaih*”

Hal ini bermaksud, sekiranya perintah pelaksanaan dan notis hiwalah telah diserahkan kepada *muhal 'alaih* atau disebut pihak ketiga, maka pihak ketiga iaitu bank perlu menahan atau membekukan akaun bank tersebut dan terus memindahkan sejumlah wang kepada pihak pemiutang. Ini terjadi dalam kes *Nisa lwn Ruddin* (2022) di mana pelaksanaan hiwalah untuk pemindahan wang perlu disegerakan selaras dengan perintah pelaksanaan.

Sepanjang tempoh tahun 2022, statistik pendaftaran bagi kes penguatkuasaan hiwalah bagi tujuan pembekuan akaun bank milik penghutang di seluruh negeri di Malaysia adalah seperti mana jadual di bawah:

Jadual 4: Pendaftaran Penguatkuasaan Hiwalah di seluruh negeri di Malaysia tahun 2022

Bulan/ Negeri	Jan - Mac	April - Jun	Julai - September	Oktober - Disember	Jumlah
Perlis	0	0	0	0	0
Kedah	0	0	0	0	0

<i>Pulau Pinang</i>	0	4	3	3	10
<i>Perak</i>	0	0	0	0	0
<i>Selangor</i>	0	0	3	11	14
<i>Kuala Lumpur</i>	0	1	0	0	1
<i>Negeri Sembilan</i>	0	0	0	0	0
<i>Melaka</i>	0	1	0	0	1
<i>Johor</i>	0	0	0	0	0
<i>Pahang</i>	0	1	0	1	2
<i>Terengganu</i>	0	1	0	0	1
<i>Kelantan</i>	0	0	0	0	0
<i>Sabah</i>	0	0	0	0	0
<i>Sarawak</i>	0	0	1	1	2
Jumlah Keseluruhan					31

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada Januari 2023

Jadual di atas menunjukkan data statistik pendaftaran bagi kes penguatkuasaan hiwalah yang difailkan di mahkamah syariah di seluruh negeri di Malaysia. Daripada 14 negeri di Malaysia, sebanyak 7 negeri tidak didaftarkan kes penguatkuasaan hiwalah di mahkamah syariah. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, negeri Melaka dan negeri Terengganu adalah paling sedikit didaftarkan iaitu masing-masing hanya 1 kes sahaja. Kemudian dengan pendaftaran masing-masing 2 kes iaitu negeri Pahang dan Sarawak. Diikuti negeri Pulau Pinang sebanyak 10 kes didaftarkan iaitu pada suku kedua sebanyak 4 kes dan masing-masing 3 kes didaftarkan pada suku ketiga dan suku keempat tahun 2022. Dan penguatkuasaan hiwalah yang paling banyak didaftarkan adalah negeri Selangor iaitu sebanyak 14 kes yang didaftarkan pada suku ketiga dan suku keempat tahun 2022 dengan sebanyak 3 dan 11 kes. Ini menunjukkan, sebanyak 7 negeri didaftarkan untuk penguatkuasaan hiwalah dengan menjadikan keseluruhan pendaftaran di Malaysia sebanyak 31 kes.

Walau bagaimanapun, bagi negeri Pulau Pinang yang didaftarkan sebanyak 10 kes, namun penyelesaian kes adalah sebanyak 8 kes. Berikut adalah jadual pendaftaran dan penyelesaian kes bagi negeri Pulau Pinang:


Jadual 5: Pendaftaran dan Penyelesaian Penguatkuasaan Hiwalah di Pulau Pinang tahun 2022

Bulan	Daftar	Selesai
Januari	0	0
Februari	0	0
Mac	0	0
April	3	0
Mei	1	0
Jun	0	1
Julai	0	0
Ogos	0	2
September	3	0
Oktober	3	1
November	0	0
Disember	0	4
Jumlah	10	8

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang

Jadual di atas menunjukkan pendaftaran dan penyelesaian kes bagi negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022. Secara terperinci, pendaftaran bagi kes penguatkuasaan hiwalah adalah dengan masing-masing 3 kes iaitu pada bulan April, September dan Oktober. Manakala 1 kes didaftarkan pada bulan Mei. Bagi penyelesaian kes pula, masing-masing dengan 1 kes iaitu pada bulan Jun dan Oktober. Bulan Ogos pula sebanyak 2 kes dan terakhir bulan Disember sebanyak 4 kes. Ini menunjukkan kes berjaya diselesaikan adalah sebanyak 80%. Walaupun sebanyak 8 kes yang berjaya diselesaikan, namun terdapat kes yang tidak berjaya dilaksanakan untuk pemindahan kredit akaun bank. Berikut adalah carta pai penyelesaian kes penguatkuasaan hiwalah di bawah:

Carta Pai: Penyelesaian Kes Penguatkuasaan Hiwalah



Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang

Carta pai di atas menunjukkan sebanyak 4 kes atau 50% berjaya diselesaikan dengan cara pembekuan akaun bank dan seterusnya pemindahan kredit akaun bank kepada pihak pemiutang. Manakala sebanyak 4 kes atau 50% juga tidak berjaya dilakukan pembekuan akaun bank kerana kes-kes tersebut penghutang tidak mempunyai akaun bank dan sejumlah hutang yang tidak mencukupi untuk dipindahkan seperti yang dimohon oleh pemiutang.

Dalam kes penghutang yang tidak mempunyai akaun bank, ia dianggap tidak berjaya dan kes tersebut ditutup. Walaupun pada asalnya permohonan yang dilakukan oleh pemiutang kepada mahkamah berdasarkan dengan kepercayaan asas bahawa penghutang mempunyai akaun bank, namun setelah permohonan diluluskan dengan adanya perintah pelaksanaan dan notis hiwalah diserahkan kepada bank, bank telah memberi maklum balas dengan menyatakan bahawa penghutang tidak mempunyai akaun bank setelah disiasat melalui nombor kad pengenalan. Hal ini kerana, kemungkinan akaun bank penghutang tersebut sudah lagi tidak aktif setelah beberapa lama tiada transaksi yang dilakukan. Ini terjadi dalam kes *Shakirah lwn Fadli (2022)* dan kes *Paizah lwn Ramhi (2022)* di mana bank telah memaklumkan bahawa kedua-dua akaun bank yang dimohon oleh pemiutang sudah lagi tidak aktif. Dalam kes *Shakirah lwn Fadli (2022)*, pemiutang telah memohon kepada mahkamah untuk membekukan akaun bank daripada Bank Simpanan Nasional (BSN). Pemiutang percaya dengan akaun bank daripada BSN tersebut kerana sewaktu bekas pasangan tersebut belum berpisah, kemasukan gaji yang diterima oleh penghutang adalah melalui BSN. Manakala kes *Paizah lwn Ramhi (2022)* pula, bank yang dimohon untuk melaksanakan hiwalah adalah daripada bank CIMB.

Seterusnya dua lagi kes yang tidak berjaya dibekukan akaun bank adalah akaun bank penghutang tidak mempunyai sejumlah wang yang cukup untuk dipindahkan. Hal ini berikutan, penghutang mempunyai bank yang aktif namun begitu baki di

dalam akaun tidak memenuhi keperluan untuk dibekukan. Contohnya dalam kes *Mohaimon lwn Nazri (2022)* yang mempunyai akaun sebanyak RM24.70 di CIMB dan juga kes *Roji lwn Mawi (2022)* sebanyak RM23.00 dalam bank yang sama. Bank CIMB telah menetapkan bahawa ia perlu untuk ditinggalkan baki paling minima adalah sebanyak RM20.00. Oleh yang demikian, ia tidak memadai untuk dibekukan dan seterusnya dipindahkan sejumlah wang kerana wang di dalam bank sangat sedikit dan kes tersebut ditutup.

Walau bagaimanapun, pembekuan akaun boleh berlaku walaupun tidak memenuhi jumlah tunggakan nafkah yang dituntut. Dalam kes *Huda lwn Sharil (2022)*, pemiutang telah menuntut tunggakan nafkah sebanyak RM195,100 di mahkamah dengan cara penguatkuasaan hiwalah. Perintah pelaksanaan dan notis hiwalah diserahkan kepada CIMB setelah mendapat kebenaran mahkamah. Dalam tempoh kurang daripada dua minggu, CIMB telah memaklumkan bahawa baki di dalam akaun bank penghutang adalah sebanyak RM7,189.00. Sebelum pemindahan dibuat, akaun bank penghutang telah dibekukan dan segala transaksi tidak dapat diakses. Pemindahan tersebut terus dilaksanakan oleh bank dengan segera dan akhirnya pemiutang memperoleh sejumlah wang setelah ditolak kos bank. Jumlah yang dikreditkan kepada pemiutang adalah sebanyak RM6,869.00. Dengan pemindahan tersebut, kes ditutup dan baki lagi pemiutang perlu memohon semula untuk tindakan penguatkuasaan.

Ketidakcukupan sejumlah hutang untuk dipindahkan juga berlaku dalam kes *Azah lwn Khairi (2022)*. Dalam kes tersebut, jumlah tunggakan nafkah yang dituntut adalah sebanyak RM14,850.00. Walau bagaimanapun, jumlah di dalam akaun Maybank penghutang yang dimohon oleh pemiutang adalah sebanyak RM408.00 sahaja. Maybank memaklumkan dengan surat bahawa jumlah tunggakan yang boleh dipindahkan adalah sebanyak RM407.00 sahaja dengan meninggalkan baki sebanyak RM1.00. Dengan berlakunya pemindahan kredit kepada

pemiutang, maka jumlah tunggakan masih berbaki RM14,443.00. Jumlah yang berbaki tersebut boleh dituntut semula dengan pemfailan penguatkuasaan hiwalah atau penguatkuasaan yang lain berdasarkan Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah.

Dalam kes *Azah lwn Khairi (2022)* juga, perintah pelaksanaan dan notis hiwalah pada awalnya diserahkan kepada Malayan Banking Berhad sebagai *muhāl 'alaih* atau pihak ketiga. Walau bagaimanapun, pelaksanaan hiwalah tidak berjaya dilakukan kerana penghutang tidak mempunyai akaun bank dengan Maybank setelah dimaklumbalas oleh bank. Pemiutang yakin bahawa penghutang mempunyai akaun bank dengan Maybank kerana pemiutang masih menyimpan slip gaji milik penghutang yang tertera nombor akaun Maybank. Oleh yang demikian, hal ini terdapatnya konflik di antara bank tersebut. Perintah pelaksanaan dan notis hiwalah diserahkan sekali lagi dengan mengubah pihak ketiga daripada Malayan Banking Berhad kepada Maybank Islamic Berhad dan akhirnya pelaksanaan hiwalah berjaya dilakukan. Kes ini juga berlaku kepada *Diana lwn Zairi (2022)* di mana perintah pelaksanaan dan notis hiwalah yang diserahkan perlu dinamakan pihak ketiga dengan nama RHB Islamic Bank Berhad.

Berbeza dengan bank CIMB dan BSN di mana kedua-dua bank tersebut tidak perlu kepada berasingan perbankan. Perintah pelaksanaan dan notis hiwalah diserahkan kepada bank tersebut hanya dinamakan dengan CIMB Bank Berhad dan Bank Simpanan Nasional. Ini dapat dilihat dalam kes *Huda lwn Sharil (2022)* dan *Shakirah lwn Fadli (2022)* di mana setelah perintah pelaksanaan dan notis hiwalah diserahkan kepada bank, bank terus memaklumkan bahawa akaun penghutang adalah aktif bagi kes *Huda lwn Sharil (2022)* manakala akaun penghutang kes *Shakirah lwn Fadli (2022)* tidak aktif.

Dalam kes *Huda lwn Sharil (2022)* juga, pembekuan akaun bank berjaya dilakukan dengan baki terakhir adalah sebanyak RM7,189.00. Namun begitu, pemindahan kredit hanya boleh dilakukan sebanyak RM6,869.00 sahaja. Hal ini berikutan, CIMB telah mengenakan kos tindakan dalam pelaksanaan hiwalah berdasarkan seksyen 161(2)(g) yang dijelaskan di atas. Jumlah yang dikenakan kos tersebut adalah sebanyak RM300.00. Tindakan bagi mengenakan kos ini adalah kebenaran daripada mahkamah dan mempunyai jumlah wang yang sekadar memadai dan mencukupi untuk dipindahkan. Dalam hal ini juga, kebenaran telah diluluskan dan mahkamah telah membenarkan kos tindakan ini dengan menolak kos tersebut daripada akaun penghutang. Tindakan dengan mengenakan kos ini adalah daripada bank CIMB sahaja manakala daripada Maybank yang berjaya dilakukan pelaksanaan hiwalah seperti kes *Azah lwn Khairi (2022)* dan *Nisa lwn Ruddin (2022)* tidak mengenakan sebarang kos.

Justeru, kajian mendapati bahawa pelaksanaan hiwalah boleh dilakukan walaupun jumlah di dalam akaun bank tidak mencukupi seperti dalam tuntutan tunggakan nafkah. Pelaksanaan pemindahan wang

daripada pihak ketiga hanya memadai dengan jumlah sekadar yang ada dan baki daripada hutang tersebut, pemiutang boleh memfailkan penguatkuasaan yang lain di mahkamah. Kajian juga mendapati, perasingan perbankan hanya berlaku dalam bank Maybank dan RHB sahaja yang memerlukan kepada perintah Islamic Bank Berhad atau konvensional. Manakala dalam bank-bank yang lain tidak perlu kepada perasingan. Dan terakhir mengenai kos pula, hanya CIMB sahaja yang mengenakan kos tindakan manakala bank-bank lain tidak dikenakan.

Dalam pelaksanaan pembekuan akaun ini, walaupun terdapat pelbagai isu hal pentadbiran daripada pihak bank, namun ia tidak menjejaskan dalam melaksanakan perintah mahkamah melalui pelaksanaan hiwalah bagi kes tunggakan nafkah. Hal ini kerana, tunggakan nafkah adalah keutamaan bagi menjelaskan hutang kepada si isteri, bekas isteri dan si ibu. Bagi hal pentadbiran yang dikenakan oleh pihak bank, ia hanya melibatkan peraturan yang kecil untuk memudahkan proses pihak-pihak tertentu. Proses tersebut dapat dilakukan tanpa terpesong daripada matlamat asal dalam menuntut perintah mahkamah. Dengan adanya peraturan atau undang-undang kecil tersebut, ia tidak mendatangkan kesulitan kepada semua pihak dan ia juga bertetapan dengan kaedah fiqh iaitu:

حكم الحاكم يرفع الخلاف

"Keputusan pemerintah menimbulkan pertikaian"
(Ahmad Zuman, 2012).

Dalam kaedah fiqh tersebut bermaksud, keputusan daripada pihak pemerintah atau pihak bank tersebut adalah keputusan pertikaian untuk hal pentadbiran dalaman bagi sesebuah bank sahaja. Ia tidak menyusahkan bagi pihak lain seperti mahkamah dan pemiutang dalam menguruskan matlamat asal daripada perintah penguatkuasaan hiwalah. Oleh yang demikian, walupun terdapat peraturan tertentu, maka ia tidak lari dengan kehendak syarak iaitu melaksanakan tuntutan tunggakan nafkah dengan cara memindahkan wang daripada pihak ketiga (*muhāl 'alaih*) kepada pihak pemiutang.

KESIMPULAN

Tunggakan nafkah wajib dibayar oleh si pembiaya nafkah. Namun begitu, terdapat bekas suami atau si bapa yang masih culas untuk melaksanakan pembayaran nafkah setelah diperintahkan oleh mahkamah. Oleh hal yang demikian, salah satu penguatkuasaan yang boleh dilaksanakan adalah dengan cara pembekuan akaun bank milik penghutang penghakiman. Pembekuan akaun bank perlu kepada pemfailan penguatkuasaan hiwalah dan perlu mendapatkan perintah kebenaran daripada mahkamah terlebih dahulu. Setelah perintah kebenaran diperolehi, barulah perintah pelaksanaan dan notis hiwalah dikeluarkan dan seterusnya diserahkan kepada pihak

bank untuk tindakan pembekuan akaun dan seterusnya pemindahan kredit ke akaun milik pemiutang.

Dalam melaksanakan pembekuan akaun bank, terdapat persoalan yang timbul iaitu pemindahan kredit tidak mencukupi dari tunggakan nafkah yang dituntut, perasingan perbankan antara Islam dan konvensional serta bank yang mengenakan kos tindakan. Hasil kajian mendapati, pelaksanaan pemindahan kredit boleh dilakukan walaupun tidak mencukupi tunggakan yang dituntut dengan paling maksima pindahan, perasingan bank pula hanya berlaku pada bank RHB dan juga Maybank serta kos tindakan yang dikenakan hanyalah pihak bank CIMB sahaja. Walaupun terdapat pelbagai peraturan pentadbiran bagi pihak bank, namun ia tidak menjejaskan daripada matlamat asal iaitu tunggakan hutang nafkah wajib dibayar oleh pihak penghutang kepada pihak pemiutang.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Moten (1998), *A Guide To Research Proposal And Report Writing*. Selangor: Research Centre International Islamic University, Malaysia. Hlm. 16
- Abdurrahman Al-Jaziri. (t.t). *Kitab Al-Fiqh 'Ala Al-Madzahib Al-Arba'ah*. Beirut: Dar Al-Fikr. Hlm 210.
- Abu Muhammad 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudama Al-Maqdisi. (2013). *Al Mughni Juz 4*. Beirut: Dar 'Alam Al Kutub. Hlm 521.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM. Hlm 65.
- Aisah Salleh, Siti Aisyah Kamaruddin & Jazilah Mohd Saad@ Mat Saud. (2021). Pelaksanaan Prosiding Hiwalah: Pengalaman Bahagian Sokongan Keluarga. Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori, Amalan dan Pelaksanaan: JKSM & Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim UIAM. Hlm 397-406.
- Al-Shirbini, Al-Khatib, Sheikh Muhammad. (2001). *Mughni Al-Muhtaj, Jilid 3*. Beirut: Dar Al-Fikr. Hlm 193.
- Azah lwn Khairi (2022), Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes Mal: 98/2022.
- Azah lwn Khairi (2022), Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. No. Kes Mal: 17/2022.
- Diana lwn Zairi (2022), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah. No. Kes Mal: 32/2022.
- Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pulau Pinang) 2004. Enakmen No. 4.
- H. Idris Ahmad S.H. (1995). *Fiqh Syafii, Jld 3*, Kuala Lumpur :Pustaka Antara Sdn Bhd. Hlm 47
- H. Sulaiman Rasjid. (1976). *Fiqh Islam*. Jakarta: Attahiriyah.
- <https://harakahdaily.net/index.php/2021/11/22/pelaksanaan-hiwalah-menjamin-hak-wanita-teraniaya/>
- <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hari-wanita-2022-perdana-menteri-umum-enam-inisiatif-perkasa-wanita-350678>.
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/936348/beku-akaun-bank-bekas-suami-dijangka-tahun-inirina>
- <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/03/823053/sek-at-akaun-bank-bekas-suami-culas-bayar-nafkah-dijangka-dilaksanakan-tahun>
- Huda lwn Sharil (2022), Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut. No. Kes Mal: 27/2022.
- Ismail Bin Ibrahim. (2002). *Al-Hiwalah Dan Pelaksanaannya Di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Jazilah Mohd Saad. (2013). *Mekanisme Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah Orang Islam: Sistem Berasaskan Mahkamah*. ISLAMIYYAT 35(2) 2013: 89 – 100.
- Kamal Al-Din Ibn Al-Humam. (t.t.) *Fath Al-Qadir Ma'al Inaayah, Juz 5*. Beirut: Dar Al-Fikr. Hlm 442.
- Laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, entri "hawalah", <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=hawalah>
- Mansur ibn Yunus ibn Idris Al-Buhuti. (1974). *Kashshaf Al-Qina, juz 3*. Makkah: Matba'at Al-Hukumah. Hlm 374.
- Mohaimon lwn Nazri (2022), Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. No. Kes Mal: 20/2022.
- Mohamed Fouzi Mokhtar, Siti Fatimah Ahmad Maulana, Salmi Amalia Jamil & Mohd Fariq Azaimi Apanidi. (2021). *Jenis-Jenis Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan: Satu Pengenalan*. Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori, Amalan dan Pelaksanaan: JKSM & Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim UIAM. Hlm 312.
- Muhammad Alaudin Haskafi. (2002). *Dur Al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr Al-Abṣār, Juz 4*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah. Hlm 306.
- Muhammad bin Ismail Al-Bukhari. (t.t) *Shahih Al-Bukhari, Juz 2*. Beirut: Dar Al-Fikr. Hlm 37.
- Muhammad ibn Ahmad Ibn Juzayy Al-Kalbi. (2005). *Al-Qawanin Al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar Al-Hadis. Hlm 324
- Nisa lwn Ruddin (2022), Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. No. Kes Mal: 93/2022.
- Paizah lwn Ramhi (2022), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah. No. Kes Mal: 33/2022.
- Puan Nor Hidayah binti Ismail, Pembantu Syariah di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di Aras 2, Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 12hb Februari 2022.
- Roji lwn Mawi (2022), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara. No. Kes Mal: 18/2022.
- Shakirah lwn Fadli (2022), Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah. No. Kes Mal: 712/2022.
- Syeikh Ahmad al-Zuman (2012). *Maqalat al-Matlaqah Fiqh Wa Usulih*. Kaherah: Dar Ibn al-Jawzi.
- Therese L. Baker. (1999). *Doing Social Research, 3rd ed*. United States of America: Mc Grew Hill. Hlm 240.
- Tuan Mohd Mirza bin Abdul Rashid, Peguam Syarie di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di Aras 2, Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 19hb November 2022.
- Wan Nor Aisyah binti Wan Yussof, Abdul Ghafar bin Ismail & Shofian Ahmad. (2017). *Dasar Pinjaman Berkumpulan Di Institusi Mikro Kredit: Cadangan Penggunaan Kontrak Hiwalah*. Jurnal Muamalat. Volume 10, 2017, Pages 39 to 62.

KANDUNGAN / CONTENTS

Pembekuan Akaun Bank Melalui Penghakiman Hiwalah Di Mahkamah Syariah <i>Freezing of Bank Accounts through Hiwalah Judgments in Shariah Court</i>	1-11
Mohd Hazwan Ismail	
Aplikasi Maqasid Syariah dalam Ibadah Bersuci dan Solat Bagi Anggota Sniper, Angkatan Tentera Malaysia	12-18
<i>The Application of Maqasid Shariah in Ritual Purity and Prayer for Snipers in The Malaysian Armed Forces</i>	
Mohd Sukri Haji Yahya, Muhammad Nazir Alias, Muhaidi Hj. Mustaffa Al-Hafiz, Azlisham Abdul Aziz, Mohamad Muntaha Hj Saleh	
Persepsi Pelajar Muslim Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terhadap Faktor Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)	19-28
<i>Perceptions of Sultan Zainal Abidin University (UniSZA) Muslim Students Regarding the Investment Selection Factors of Islamic Unit Trust Fund (IUTF)</i>	
Mohd ‘Adli Zahri, Fatin ‘Alia Zahri, Nurul Ilyana Muhd Adnan	
Etika Berpakaian dalam Iklan Menurut Perspektif Islam	29-35
<i>Ethics of Dressing in Advertising from an Islamic Perspective</i>	
Nurul Najihah Binti Mohamad Shokri, Norhoneydayatie Abdul Manap	
Masjid Sebagai Alternatif Pusat Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat: Satu Sorotan Literatur	36-41
<i>Mosques as an Alternative for Local Community Economic Development: A Literature Review</i>	
Mohamad Bazli Md Radzi, Salmy Edawaty Yaacob, Azlin Alisa Ahmad	
Keperluan Pembinaan Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Untuk Belia	42-50
<i>The Need for Establishing Guidelines for Young Voters in the Selection of Electoral Candidates</i>	
Farrah Nuur Fatheeah Zullaile, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar	
Pengoperasian Kontrak Tawarruq Dalam Sistem Teras Perbankan Islam di Malaysia	51-68
<i>The Implementation of the Tawarruq Contract in the Islamic Core Banking System in Malaysia</i>	
Mohd Naufal Mohd Tarmizi, Ahmad Hidayat Buang, Mohd Zaidi Daud	
Sejarah Pentadbiran Undang-Undang Zakat di Negeri Kedah 1955 - 1982: Analisis Penggubalan Undang-Undang Bertulis	69-78
<i>The History of Zakat Law Administration in Kedah 1955 - 1982: An Analysis of Written Law Legislation</i>	
Mohd Shuzaini Soib, Jasni Sulong	

حديث «لا يحل سلف وبيع» وتطبيقاته في باب الإجارة في المصارف الإسلامية

79-83

The Hadith "No Loan Coupled with a Sale is Permissible" and Its Applications in the Field of Leasing in Islamic Banks

Gamal Mohamed Ali Abdelrehim, Mohammad Zaini Yahaya, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani

Undang-Undang Adat Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak: Analisis Daripada Perspektif Perundangan Islam

84-93

The Ninety-Nine Customary Law of Perak: An Islamic Legal Analysis

Muhammad Nazirul Mohd Sabri, Jasni Sulong